

13/04/2002

Krisis MCA: PM akan temui Dr Ling, Lim

Zulkifli Md Ali; Veena Rusli; Azman Mahmood

KOTA BHARU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya, Datuk Lim Ah Lek, dalam masa terdekat ini dalam usaha menyelesaikan perselisihan faham kedua-dua pemimpin itu.

Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri juga akan membincangkan cadangan kumpulan B yang diketuai Lim, untuk meneruskan mesyuarat agung luar biasa (EGM) pada 21 April ini.

"Saya fikir perselisihan faham begini tidak mendatangkan faedah. Saya percaya mereka dapat selesaikan masalah ini secara rundingan dan bercadang bertemu dengan mereka pada bila-bila masa.

"Saya nanti bercakap dengan mereka mengenai EGM dan mencari jalan menyelesaikan masalah bagi mengurangkan konfrontasi," katanya selepas berucap pada majlis perjumpaan dengan pegawai dan kakitangan Kerajaan Persekutuan di Dewan Utama Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan, Kubang Kerian di sini, hari ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata demikian ketika diminta mengulas pengakuan terbuka Lim berhubung keretakan hubungannya dengan Dr Ling.

Mengenai pengurusan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang disiasat Badan Pencegah Rasuah (BPR), Dr Mahathir berkata: "Kita tunggu BPR membuat siasatan dan jika ada kes, mereka terpaksa menjalankan tindakan sewajarnya."

Jumaat lalu, Berita Harian mendedahkan mengenai siasatan BPR terhadap AIM sejak tahun lalu selepas menerima laporan Bank Negara Malaysia, selaku badan kawal selia pengurusan badan berkenaan.

Berikutan siasatan itu, tiga pegawai kanan AIM digantung kerja selama enam bulan berkuat kuasa 10 Disember lalu, manakala dua lagi pegawai dinasihatkan meletak jawatan.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, negara yang kini menjadi pengeluar 100 peratus peluru serta raifal Styer, sedang meningkatkan kemampuan menguasai ilmu pembuatan peralatan ketenteraan.

Beliau berkata, selepas dua kapal peronda dikeluarkan di Jerman, Malaysia akan mengeluarkan kapal perang buatan sendiri.

(END)